

23/10/2003

Media boleh perbetul putar belit Barat

Zainal Abidin

SYABAS Malaysia kerana kejayaan melangsungkan Sidang Kemuncak Ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan semua yang terbabit dalam menjayakan sidang itu.

Saya juga mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir di atas ucapan beraninya pada Khamis lalu yang mengundang kontroversi dari pihak media Barat dan Israel.

Malaysia sebagai sebuah negara Islam telah membuat banyak pembaharuan contohnya menubuhkan Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dan banyak lagi institusi Islam di dalam negara ini seperti sistem perbankan Islam. Malaysia juga melalui Dr Mahathir mengutuk sebarang bentuk keganasan di samping menyatakan Islam bukan agama penganas.

Malangnya media Barat melalui telah menyalahafsirkan ucapan Dr Mahathir

dan menganggapnya sebagai `jemputan kepada keganasan'. Nampaknya media Barat berlumba-lumba mengambil kesempatan memutar-belitkan isi ucapan Dr Mahathir. Sebagai belia Islam saya terkejut dengan dakwah dan tipu muslihat media Barat.

Di sini saya ingin memberikan beberapa cadangan. Pertama bagi memperbetulkan semula tanggapan negatif barat, kita perlu menyiarkan fakta

sebenar melalui televisyen, akhbar dan juga melalui internet. Ini untuk mengelakkan pandangan negatif seluruh penduduk Barat khususnya Israel.

Kedua, televisyen dan radio perlu mengurangkan siaran yang kurang baik untuk orang Islam kerana semakin banyak imej dan perkara negatif yang ditunjukkan di televisyen dan radio.

ZAINAL ABIDIN,  
Sekolah Menengah Islam Hidayah,  
Skudai, Johor.